

Wanita paling berisiko hidap kanser

Oleh NORMAIRAH JAMALUDDIN

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 APRIL

STATISTIK Kementerian Kesihatan mendapat kira-kira 19,000 daripada setiap 100,000 rakyat negara ini menghidap pelbagai jenis kanser.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, wanita adalah golongan yang paling berisiko menghidap kanser iaitu membabitkan 10,290 pesakit daripada setiap 100,000 rakyat Malaysia.

Beliau berkata, lima kanser paling kerap menyerang rakyat negara ini adalah kanser payu dara iaitu 48.5 peratus, usus (12.1%), paruparu (11.8%), pangkal rahim (5.7%) dan kerongkong (5.4%).

“Oleh itu kita menasihatkan orang ramai melakukan pemeriksaan kesihatan awal bagi mengesan kanser, seterusnya merawat penyakit tersebut bagi mencegahnya daripada terus merebak.

“Statistik juga menunjukkan kanser merupakan penyakit keempat tertinggi penyebab kematian di hospital kerajan,” katanya selepas melancarkan Kempen Kesedaran, Saringan dan Rawatan Kanser Usus 2016 di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengasas dan Presiden Persatuan Advokasi Kanser Malaysia (Empowered), Dr. Christina Ng dan Ahli Majlis Tinggi Yayasan Sime Darby, Datin Paduka Zaitoon Othman.

Mengulas lanjut, Dr. Hilmi berkata, masyarakat perlu mengubah cara pemakanan dan mengamalkan



DR. HILMI YAHAYA (kanan) bersama Dr. Christina Ng (dua dari kiri) beramah mesra dengan tiga bekas pesakit kanser usus dalam Majlis Pelancaran Kempen Kanser Usus 2016 di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

cara hidup sihat bagi memastikan kesihatan mereka berada pada tahap yang baik.

“Jangan makan terlalu banyak sehingga melebihi keperluan yang sepatutnya, lelaki hanya memerlukan 2,000 kalori sehari manakala 1,800 kalori bagi wanita. Oleh itu pastikan kita makan apabila perlu selain melakukan senaman secara konsisten,” ujarnya.

Sementara itu, Christina berkata, pihaknya sentiasa komited mengadakan bengkel, kesedaran dan program saringan kanser kepada orang ramai.

“Melalui pengesahan awal, ia dapat membantu mencegah kanser menjadi lebih teruk. Biarpun kanser sudah terbentuk, pengesahan awal boleh memberi peluang kepada pesakit untuk menjalani pembedaan sebelum merebak ke organ lain.

“Segala perbelanjaan bagi menjalani ujian seperti kolonoskopi dan rawatan kanser ditanggung sepenuhnya oleh organisasi kami. Diharap orang ramai memberi sokongan dengan menyertai program anjuran Empowered dalam usaha mencegah penyakit kanser,” katanya.